



Teks Ucapan

Yang Berhormat  
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan  
Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman  
Minister of Development  
Brunei Darussalam

**SEMPENA HARI HABITAT SEDUNIA TAHUN 2014**

Pada:  
8.30 pagi  
Rabu, 15hb Oktober 2014

Tempat:  
Atrium Hall, Airport Mall Berakas  
Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia Awang Haji Mohd Nazri bin Haji Yusof, Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Perumahan selaku Pengerusi Majlis Sempena Hari Habitat Sedunia pada tahun ini,

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Abd Ghafar, Setiausaha Tetap Teknikal Dan Profesional Kementerian Pembangunan

Yang Mulia Awang Haji Mohd Lutfi bin Abdullah, Setiausaha Tetap Pentadbiran Dan Kewangan Kementerian Pembangunan,

Yang Mulia Awang Hj Merzuki bin Mohsin, Timbalan Setiausaha Tetap,

YB Ahli Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

YM Penghulu Penghulu dan Ketua Ketua Kampong,

Yang Mulia Pemangku Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya,

Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Pengarah, Ketua Ketua Divisyen dan Unit, semua pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan,

Para jemputan para jemputan khas, para-para penaja, peserta-peserta pameran, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.



1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subahanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan izinNya jua telah membolehkan Jawatankuasa Kerja Sambutan Hari Habitat Sedunia, mengungkayahkan majlis ini sebagai salah satu aktibiti Sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia yang jatuh pada setiap hari Isnin pertama bulan Oktober setiap tahun.
2. Pada tahun ini tema bagi Sambutan Hari Habitat Sedunia adalah *VOICES FROM SLUMS* atau *SUARA DARIPADA PENDUDUK DIKAWASAN PERUMAHAN YANG KURANG TERATUR* yang mana tema ini lebih menjurus kepada kawasan-kawasan yang tidak berperancangan.
3. Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kemajuan Perumahan Kementerian Pembangunan telah, sedang dan akan terus melaksanakan perancangan strategik jangka panjang dan sederhana dalam merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya setiap rakyat di negara ini memiliki rumah kediaman sendiri.

4. Sehingga kini Jabatan Kemajuan Perumahan telah memperuntukkan sejumlah 20,250 buah rumah kepada pemohon-pemohon yang berkecukupan untuk mengikuti Skim Rancangan Perumahan Negara. Disamping itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kemajuan Perumahan akan terus menghasilkan lebih banyak perumahan untuk rakyat dan sehingga tahun 2017 sejumlah 1000 unit rumah cluster dan 300 unit jenis apartmen akan dibina. Dalam masa yang sama Kementerian Pembangunan juga kini berusaha untuk menghasilkan pengeluaran rumah melalui Public Private Partnership, yang mana diharapkan akan mengurangkan beban Kerajaan dan agar penyediaan rumah akan lebih sustainable. Ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah Ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun pada 25hb. Sya'aban, 1433 bersamaan 15hb. Julai, 2012 dan petikan titah adalah seperti berikut:-

***"Beta amatlah gembira mendapati, pendekatan baru kita dalam menyediakan perumahan untuk rakyat telah menampakkan hasil yang menggalakkan. Bilangan rumah-rumah yang telah siap dan yang sedang dalam pembinaan, ternyata berupaya untuk mengurangkan tempoh menunggu bagi pemohon-pemohon."***

Kementerian Pembangunan, melalui Jabatan Kemajuan Perumahan dan agensi agensi lain dibawahnya juga berusaha pada mempertingkatkan lagi 'hidup berkualiti' dikawasan perumahan



Negara dan juga dikawasan perumahan yang lainnya dengan prasarana yang mencukupi bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk dinegara ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

5. Namun dalam usaha pihak Kerajaan yang sentiasa komited terhadap menyediakan rumah dan kehidupan yang berkualiti, setiap pemilik dan penghuni rumah mempunyai tanggung jawab mereka sendiri dalam perkara perkara yang berkaitan dengan rumah atau kawasan dimana mereka tinggal. Terutama sekali dalam perkara kebersihan dimana masih terdapat sikap yang kurang menyenangkan apabila sampah sarap dibiarkan bertaburan atau sengaja dibuang di merata tempat, dan bukan ditempat pembuangan yang telah disediakan, atau membuang sampah cara berlanggan.

6. Disebalek langkah Kerajaan untuk menyediakan rumah sebagai kemudahan tempat tinggal keluarga sendiri, masih kedengaran juga pihak pihak yang menyewakan rumah yang telah dianugerahkan. Malah ada yang menjual. Ini bertentangan dengan tujuan asal permohonan mereka bagi mendapatkan rumah dan perkara seperti ini tidak akan diambil ringan.

7. Masih ada tambahan tambahan dibuat keatas rumah tanpa kebenaran hingga menceroboh kawasan jiran dan menyebabkan keharmonian berjiran tergugat.

8. Sememangnya sudah ada peraturan dan garis panduan tertentu mengenai perkara ini yang telah pihak Kementerian Pembangunan

dan Jabatan Kemajuan Perumahan, juga pihak Perancang Bandar dan Desa serta ABCi berigakan bagi dipatuhi oleh pemilek pemilek rumah dikawasan Rancangan Perumahan Negara. Tetapi peraturan itu tidak dihiraukan.

9. Juga mendukacitakan, jika kita melihat di beberapa kawasan perkampungan terdapat rumah rumah setingga tumbuh kerana kurangnya kawalan keatas pemilek tanah yang membiarkan ditanah mereka dibina rumah setingga atau rumah mereka dibuat *extension* yang tidak mengikut garis panduan, yang tidak mengikut piwaian, yang bukan sahaja akan menurunkan nilai hartanah disekeliling malah bolih sahaja membahayakan nyawa jika berlaku kebakaran.

10. Maka bersesuaian dengan tema Sambutan Hari Habitat Sedunia 2014, kita berseru agar pemilek tanah atau rumah untuk memberi kerjasama tidak membiarkan 'slums' atau kawasan perumahan yang tidak teratur menjadi corak pembangunan Negara kita. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang diPertuan Negara Brunei Darussalam telah membelanjakan lebih berbillion ringgit bagi menyediakan prasarana dan kemudahan yang mencukupi seperti bekalan air bersih, bekalan tenaga letrik, pembetulan, kemudahan jalan raya, lot lot tanah dan sebagainya bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini, dan bagi menaikkan imej Negara sebagai sebuah Negara dimana Human Development Index atau taraf kesejahteraan rakyat dan penduduknya adalah tinggi.

11. Kita berharap bahawa majlis sambutan seperti hari ini akan dapat meningkatkan kesedaran berapa beruntungnya kita hidup di

bumi Brunei Darussalam ini, jika kita bandingkan dengan negara negara lain, walaupun negara itu lebih maju dari negara kita. Dengan adanya kesedaran demikian akan timbul rasa tanggungjawab dan keinginan untuk mengekalkan kesejahteraan kita berumah, berjiran dan berkampung.

12. Bagi mengakhiri ucapan, saya dengan tulus ikhlas merakamkan tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua pihak, termasuk pihak swasta dan perseorangan, yang terlibat diatas komitmen dan kejayaan dalam mengungkayahkan majlis ini sebagai salah satu acara sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia.

13. Saya juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli-ahli Jawatankuasa yang berkenaan yang tidak kendur-kendur berusaha mengungkayahkan majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia. Saya berdoa ke hadrat Allah Subahanahu Wataala semoga segala usaha, sumbangan dan khidmat bakti yang berkebakikan ini akan mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Allah Subahanahu Wataala jua.

14. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh